

Perlaksanaan Ujian HIV Bagi Bakal Pengantin

Dari Perspektif Syariah & Undang-undang



Azman Ab Rahman
Syed Salim Syed Shamsuddin
Mushaddad Hasbullah
Yasmin Hanani Mohd Safian



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

*P*eraksanaan Ujian HIV Bagi Bakal Pengantin

Dari Perspektif Syariah & Undang-undang



*P*erlaksanaan Ujian HIV Bagi Bakal Pengantin

Dari Perspektif Syariah & Undang-undang

Azman Ab Rahman
Syed Salim Syed Shamsuddin
Mushaddad Hasbullah
Yasmin Hanani Mohd Safian

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2007

Cetakan pertama 2007
© Hak cipta terpelihara Universiti Sains Islam Malaysia 2007

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit USIM:
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-798 8045 / Faks : 06-798 8054

Reka Letak & Urus Cetak:
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel : 03-9284 9448 / Faks : 03-9284 9105
e-mel: ampress@streamyx.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perlaksanaan ujian HIV bagi bakal pengantin dari perspektif syariah dan
undang-undang / Azman Ab Rahman ... [et al.].
ISBN 978-983-2950-49-3
1. HIV-positive persons--Legal status, laws, etc.--Malaysia.
2. Marriage--Religious aspects--Islam. 3. Marriage law--Malaysia.
I. Azman Ab Rahman.
344.59504369792

KANDUNGAN



Prakata	ix
Penghargaan	xiii
Pendahuluan	xv

BAB 1 PENGENALAN HIV/AIDS & PERLAKSANAAN UJIAN HIV DI MALAYSIA

Pendahuluan	1
Apa itu HIV?	2
Apa itu HIV Positif?	4
Apa itu AIDS?	5
Bagaimana AIDS Merebak	7
Bagaimana AIDS Tidak Merebak	7
Langkah-langkah Pencegahan	8
Implikasi Jangkitan HIV dan AIDS	9
Teori Tentang Punca Wabak AIDS Global	11
Situasi HIV/AIDS di Dunia	11
Situasi HIV/AIDS di Malaysia	15
Perlaksanaan Ujian HIV di Malaysia	25
Prosedur Perlaksanaan Ujian HIV Bakal Pengantin	26
Penerangan Ujian Saringan HIV di Klinik Kesihatan	26
Penerangan Selepas Memperolehi Keputusan Ujian	28
Kesimpulan	29

BAB 2 PERLAKSANAAN UJIAN HIV DARI PANDANGAN SYARAK

Pendahuluan	31
Matlamat dan Hikmah Perkahwinan dalam Islam	31
Pandangan Syarak Terhadap Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Johor	36

Mengelak Penganiayaan kepada Pasangan	37
Pemeliharaan Keturunan	38
Pencegahan dan Pembasmian Wabak	40
Mencegah Penzinaan dan Seks Luar Tabii	43
Membimbing Golongan Tergelincir	44
Keadilan Sosial	46
Kaedah-kaedah Fiqh dan Usul	49
Ijtihad	51
Pandangan Para Mufti di Malaysia	55
Kesimpulan	56
BAB 3 PERLAKSANAAN UJIAN HIV DARI SUDUT UNDANG-UNDANG	
Pendahuluan	57
Kedudukan Perlaksanaan Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin dalam Enakmen Keluarga Islam Johor	57
Implikasi kepada Mana-mana Bakal Pengantin yang Enggan Menjalani Ujian HIV	59
Tujuan Penguatkuasaan Peraturan Mewajibkan Ujian Kesihatan ke Atas Bakal Pengantin	62
Pandangan Individu Tertentu Terhadap Perlaksanaan Ujian HIV	63
Tinjauan Perlaksanaan Ujian HIV kepada Bakal Pengantin di Negara-negara Lain	67
Kesimpulan	71
BAB 4 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pendahuluan	73
Rumusan	73
Perlaksanaan Ujian	73
Keberkesanan Ujian	75
Pandangan Islam	76
Peruntukan Undang-undang	77
Kos Perlaksanaan	78
Individu yang Perlu Menjalani Ujian	79
Ujian HIV dan Hak Asasi Manusia	79
Mandatori atau Sukarela?	80

Dari Segi Penyakit	81
Kesimpulan dan Cadangan	82
Rujukan	87
Indeks	95

PRAKATA



Wabak penyakit AIDS yang dibawa oleh kuman HIV masih lagi tidak diperolehi vaksinnnya dan tidak dapat ditewaskan oleh kecanggihan sains dan teknologi moden. Pelbagai usaha dilakukan untuk membendung dan mencegah dari merebaknya virus pembunuh ini, namun adalah agak sukar untuk melakukannya tanpa ada usaha yang sepadu daripada semua pihak. Langkah Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim dalam mewajibkan setiap bakal pengantin yang ingin berkahwin di negeri itu untuk menjalani ujian saringan HIV telah mengundang pelbagai reaksi dan pandangan masyarakat. Terdapat pro dan kontra dalam membincangkan isu ini terutama dari sudut pandangan syarak dan undang-undang, walaupun kebanyakan negeri di Malaysia kini telah mula mengambil langkah yang sama untuk melaksanakan ujian ini secara mandatori.

Oleh itu, buku ini cuba mendedahkan tentang pelaksanaan ujian HIV ke atas bakal pengantin di negeri Johor dan keberkesannya serta mengenal pasti implikasinya terhadap kesejahteraan institusi keluarga secara khusus dan masyarakat Islam keseluruhannya, di samping penguraian mengenai pandangan syarak dan undang-undang terhadap ujian tersebut. Penulis menggunakan dua kaedah; Pertama: kaedah penyelidikan perpustakaan yang tertumpu kepada pengumpulan data daripada buku-buku, laporan, statut, enakmen dan sebagainya sama ada dari sudut perspektif Islam atau undang-undang keluarga. Kedua: kaedah penyelidikan lapangan iaitu pengumpulan data melalui temu bual dengan pihak-pihak tertentu yang terlibat sama ada pihak kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO), di samping soalan maklum balas yang dikemukakan kepada mufti-mufti negeri untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai ujian tersebut.

Buku ini dibahagikan kepada empat bab utama. Perbincangan dimulakan dengan memberikan pengenalan HIV dan AIDS bagi mengutarakan gambaran ringkas tentang hakikat wabak ini dan langkah-langkah yang patut diambil untuk menanganinya. Situasi HIV/AIDS di dunia dan Malaysia dijelaskan bagi mendedahkan

kepada para pembaca suasana yang sedang dialami oleh masyarakat kini berdasarkan angka-angka dan statistik yang ada. Selanjutnya, para pembaca dijelaskan tentang situasi pelaksanaan ujian HIV di Malaysia khususnya di negeri Johor sebagai negeri terawal yang mewajibkan ujian ini terhadap semua bakal pengantin.

Bagi memberikan penjelasan tentang pandangan syarak tentang pelaksanaan ujian ini, bab kedua menjelaskan kesahihan pelaksanaan ujian ini secara terperinci berdasarkan dalil-dalil dari al-Quran, Sunnah, kaedah-kaedah Fiqh dan Usul dan ijtihad para ulama. Pandangan mufti-mufti di Malaysia juga dijadikan sandaran penting dalam perbincangan ini.

Seterusnya, pelaksanaan ujian HIV terhadap bakal pengantin ini dilihat dari sudut undang-undang. Bab tiga meninjau pelaksanaan ujian ini yang dikuatkuasakan di negeri Johor bagi menjawab dua persoalan penting: di manakah kedudukan pelaksanaan ujian ini dalam Enakmen Keluarga Islam Johor dan apakah implikasi undang-undang kepada mana-mana bakal pengantin yang enggan menjalani ujian ini.

Buku ini diakhiri dengan mengutarakan kesimpulan dan cadangan yang didapati dari perbincangan-perbincangan sebelumnya. Bab empat merumuskan dapatan kajian yang dibuat secara keseluruhan berdasarkan fakta dan maklumat yang dikumpul. Perkara-perkara yang dilihat dalam rumusan ini ialah dari segi pelaksanaan dan keberkesanan ujian ini, pandangan Islam terhadapnya, peruntukan undang-undang, kos pelaksanaan dan lain-lain. Beberapa cadangan dari penulis dimuatkan di akhir bab ini.

Walaupun terdapat banyak kekurangan, buku ini dilihat – dengan izin Allah SWT. – mampu merungkaikan permasalahan yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan menghilangkan kesangsian mengenai pandangan Islam dan undang-undang terhadap ujian tersebut. Diharap buku ini akan dapat menjadi satu rujukan dan panduan kepada mana-mana negeri di Malaysia yang ingin mengimplementasikan ujian yang sama. Mudah-mudahan Allah SWT. menerima buku ini sebagai satu sumbangan kecil dalam *'amal Islami* dan memenuhi keperluan semasa.

Segala kekurangan dan taksir yang didapati mohon dimaafi dan diperbetulkan. Kepada Allah SWT. dipohonkan berkat dan rahmat semoga semuanya mendapat keampunan dan keredaan-Nya. Kepada-Nya jua dipohonkan taufik dan hidayat, semoga usaha yang kerdil ini menjadi bekal bagi kami di hari yang padanya harta benda dan anak pinak tidak dapat memberikan sebarang pertolongan, kecuali bagi mereka yang datang mengadap Allah SWT. dengan hati yang sejahtera.

Sekian, *wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Azman Ab Rahman,
Syed Salim Syed Shamsuddin,
Mushaddad Hasbullah,
Yasmin Hanani Mohd Safian.

Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
25 Jamadilawal 1428 Hijrah / 11 Jun 2007

PENGHARGAAN



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian dan syukur hanya bagi Allah SWT. Tuhan sekalian alam. Kami mohon pertolongan, keampunan dan perlindungannya daripada kejahatan diri dan keburukan amalan. Barang siapa yang dibimbing Allah nescaya tiada siapa pun yang dapat menyesatkannya, dan barang siapa yang disesatkan Allah nescaya tiada siapa pun yang dapat membimbingnya. Selawat dan salam bagi junjungan besar Nabi Muhammad SAW, yang mengajar manusia kebaikan, membimbing seisi alam serta menutup tirai para Nabi dan Rasul, bagi keluarga Baginda, para sahabat yang berdakwah dengan dakwahnya dan seterusnya sesiapa sahaja yang mengikuti panduan Baginda dan mengambil petunjuk daripada sunnahnya sehingga Hari Kiamat.

Alhamdulillah, kami amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya kami dapat menyempurnakan penulisan buku kecil ini. Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datin Paduka Marina Mahathir (Presiden Majlis AIDS Malaysia – 2004), Dato' Mohd Zaidi Hj. Mohd Zain (Setiausaha Agung Persatuan Peguam-peguam Syarie Malaysia), Tuan. Hj. Mohd Zamri Kambari (Penolong Pengarah, Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syarak Undang-undang Jabatan Agama Johor), Dr. Tan Seng Giaw (Ahli Majlis PEMADAM), Jabatan Agama Johor dan Kementerian Kesihatan Negeri Johor yang banyak memberi maklumat dan bantuan dalam menyiapkan penulisan ini.

Terima kasih juga dihulurkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) amnya dan Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM khasnya yang telah memberi kelulusan dan kepercayaan kepada kami untuk menjalankan penyelidikan dan menulis buku ini, juga kepada Puan Hariza Mohd Yusof, Pegawai Penerbitan USIM yang terlibat dalam penyusunan dan penyuntingan manuskrip sehingga menjadi buku yang sempurna dan kepada semua mereka

yang terlibat dalam kerja-kerja penghasilan dan penerbitan buku ini. Jutaan terima kasih juga dihulurkan kepada kedua ibu bapa dan kaum keluarga kami yang banyak memberi dorongan dan galakan serta memahami tanggungjawab kami. *Jazakumullahu khairan kathira.*

PENDAHULUAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على خاتم الأنبياء والمرسلين، سيدنا ومولانا محمد الأمين،
وعلى آله وصحبه أجمعين، ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين

Akhir-akhir ini dunia digemparkan dengan isu kontroversi tentang pelaksanaan ujian saringan HIV/AIDS untuk bakal pengantin yang hendak mendirikan rumah tangga. Pelbagai pihak tampil memberikan pendapat; ada yang menyokong usaha ini dan tidak kurang juga yang mengkritik. Di Amerika Syarikat, sebuah laporan lengkap telah ditulis menyatakan kegagalan penguatkuasaan pelaksanaan ujian HIV di negara itu sekitar tahun 90-an. Beberapa negeri di Amerika Syarikat seperti Illinois dan Louisiana pernah mewajibkan ujian ini ke atas pasangan yang ingin berkahwin. Missouri dan Texas juga pernah meluluskan undang-undang ini namun telah digugurkan. Di Utah pula, undang-undang yang dilaksanakan ini telah diharamkan dan mereka yang ingin berkahwin tidak digalakkan menjalani ujian HIV ini kerana dianggap “menganiaya” pasangan yang ingin berkahwin dengan mengisytiharkan salah seorang atau kedua-dua pasangan menghidap HIV.

Menurut laporan ini, ujian HIV/AIDS mendapat bantahan orang awam daripada pelbagai peringkat kerana dianggap mencampuri urusan peribadi yang tidak sepatutnya dihebahkan kepada orang ramai. Dalam masa yang sama, pendedahan ini bukan sahaja menyebabkan mereka yang menghidap dilarang berkahwin, bahkan kehilangan peluang pekerjaan yang sepatutnya mereka lakukan untuk menyara kehidupan sehari-hari. Beberapa faktor lain turut menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan ujian HIV kepada bakal pengantin di negara tersebut seperti kos ujian pada ketika itu sangat tinggi dan tidak praktikal kerana melibatkan khidmat pakar

doktor, makmal ujian dan yuran yang tinggi. Ujian HIV ini juga lebih banyak mendedahkan perkara sulit (*confidential*) seperti maklumat kesihatan yang mungkin akan menjejaskan diri dan maruah individu terbabit jika diketahui umum (American Civil Liberties Union, 1988).

Walaupun begitu, terdapat juga negara-negara yang bersetuju dengan cadangan perlaksanaan ini yang dianggap sebagai satu usaha dalam mengurangkan kadar penularan wabak HIV dan AIDS seperti negara India dan Senegal. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Karnataka di India, pihak kerajaan sedang menimbang penguatkuasaan ujian HIV kepada bakal-bakal pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga bagi mengurangkan risiko kadar penularan wabak HIV/AIDS. Jika undang-undang itu sudah dikuatkuasakan, setiap pasangan yang sudah berkahwin perlu menunjukkan sijil yang mengesahkan mereka telah menjalani ujian HIV.

Beberapa negeri seperti Maharashtra, Tamil Nadu dan Andhra Pradesh telah membawa rang undang-undang ujian HIV berikutan meningkatnya kadar penyakit ini dengan cepat di kawasan masing-masing. Dr. Sharad M. Tanga, salah seorang ahli Organisasi Kawalan AIDS Kebangsaan (India) dan juga ahli Pertubuhan Pencegahan AIDS Karnataka telah menyarankan kepada Ketua Menteri, S.M. Krishna, agar ujian ini dapat dimasukkan dalam rang undang-undang seterusnya dapat dikuatkuasakan secepat mungkin (S. Rajendran, 2004).

Dalam pada itu, ujian HIV belum lagi dilaksanakan dalam undang-undang di Senegal namun ia telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh Persatuan Pembangunan Wanita dan Belia Afrika serta menyokong penuh pelaksanaan ujian ini dalam membanteras penyakit HIV dan AIDS daripada terus merebak. Menurut Safietou Ba Diop, koordinator CAR-Femmes berkata, "*Ramai wanita Senegal mengalu-alukan ujian ini dalam mencegah HIV dan AIDS di kalangan wanita*". Walau bagaimanapun, pandangan ini mendapat respon daripada Presiden Persatuan Pembangunan Wanita dan Belia Afrika Marie Sow Sall dengan menegaskan kempen kesedaran melalui seminar, publisiti, klinik-klinik percuma, dan sebagainya perlu mengambil inisiatif memastikan program ini mencapai

matlamatnya sebelum merangka satu undang-undang berkaitan dengan ujian tersebut. Sehingga hari ini masih tiada satu undang-undang secara khusus berkaitan dengan HIV dan AIDS (Abdou Faye, 2004).

Di Malaysia, isu mewajibkan ujian HIV/AIDS bagi bakal pengantin yang ingin berkahwin di Johor yang mula berkuat kuasa pada November 2001 telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Ini berikutan arahan pihak Jabatan Agama Johor (JAJ) dan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor yang mewajibkan semua bakal pengantin menjalani ujian HIV bagi melayakkan mereka mendapatkan kebenaran untuk berkahwin. Peraturan baru ini dikuatkuasakan bagi memastikan bakal pengantin bebas dari sebarang penyakit terutamanya HIV dan bagi membendung penularan penyakit AIDS di negeri itu (Mohd. Zamri Kambari, 2003).

Pada mulanya peraturan ini dicurigai oleh sesetengah pihak memandangkan negeri-negeri lain di Malaysia tidak mensyaratkan ujian tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia misalnya telah menyatakan bahawa mereka tidak bercadang mewajibkan bakal pengantin menjalani ujian HIV/AIDS kerana ia membabitkan hak peribadi seseorang dan perlu dilakukan secara sukarela. Namun begitu, kebelakangan ini kebanyakan negeri seperti Melaka, Selangor, Perlis, Terengganu, Kelantan, dan Perak telah mula mengorak langkah mewajibkan bakal-bakal pengantin di negeri masing-masing menjalani ujian saringan HIV/AIDS mengikut modul JAJ yang sedia ada. Hanya dua negeri iaitu Pahang dan Negeri Sembilan dilaporkan masih mahu mengkaji secara mendalam cadangan tersebut sebelum ia dilaksanakan secara mandatori. Ini adalah berikutan persetujuan awal semua Majlis Agama Islam Negeri untuk mewajibkan bakal pengantin di seluruh negara menjalani ujian saringan HIV/AIDS tidak lama lagi (Utusan Malaysia, Selasa 11 Julai 2006).

Ekoran daripada itu, buku ini cuba menjelaskan beberapa isu yang berkaitan dengan permasalahan ini iaitu dengan menjelaskan prosedur pelaksanaan ujian HIV serta kepentingannya kepada bakal pengantin, melihat sejauh mana kepentingannya dalam menjamin kesejahteraan institusi keluarga dan masyarakat dan menerangkan

pandangan syarak dan undang-undang di Malaysia terhadap pelaksanaan ujian HIV ini.

Memandangkan negeri Johor merupakan negeri terawal yang melaksanakan ujian ini secara mandatori, skop perbincangan buku ini tertumpu kepada prosedur pelaksanaan ujian HIV yang dilaksanakan di Johor berdasarkan modul Jabatan Agama Johor yang mewajibkan semua bakal pengantin Islam mendapatkan sijil kesihatan sebelum bernikah.

Dalam membincangkan persoalan ini, beberapa perkara penting dikaji dan dibincangkan dengan mengenal pasti bagaimana proses pelaksanaan ujian HIV itu dijalankan dari awal hingga akhir secara terperinci bagi menjawab persoalan kedudukan ujian ini dari sudut syarak dan undang-undang. Oleh itu, pandangan ulama-ulama tempatan yang terdiri daripada mufti-mufti seluruh negara dikemukakan. Selain itu, dalil-dalil kaedah usul dan kaedah *furuk* yang menjustifikasikan pelaksanaan ujian ini dinilai dalam menentukan *keabsahan* ujian HIV ini. Dalam pada itu, kedudukan ujian ini dari sudut undang-undang dikaji menerusi Enakmen Keluarga Islam Johor. Beberapa peruntukan yang berkaitan dengan ujian ini atau prosedur perkahwinan diteliti bagi mengenal pasti implikasi kepada mana-mana pasangan yang enggan menjalani ujian terbabit.

RUJUKAN



- Abdullah bin Mohammad Basmih. 2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Cet. 16. Kuala Lumpur: Dar al-Fikir.
- Abu Zuhrah, Muhammad. T.t. *Al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Adeeba Kamarulzaman. “Program Pengurangan Risiko Untuk Menangani Masalah Penyalahgunaan Dadah dan HIV/AIDS di Malaysia” (Kertas Kerja). *Perspektif Islam dalam Menangani Jangkitan HIV/AIDS*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 11 Disember 2004
- Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā‘īl. 1987M/1407H. *Sahīh al-Bukhārī*. Al-Ṭab‘ah al-Thālithah. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Alcamo, E. 2003. *AIDS: The Biological Basis*. 3rd ed. Massachusetts: Jones and Bartlett
- Al-Kailānī, Najib. 1987. *Qiṣṣah al-Aids*. Al-Ṭab‘ah al-Thāniah. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah
- Al-Khin, Mustafa; al-Bugha, Mustafa; al-Sharbaji, Ali. 2006M/1427H. *Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Shafi‘i*. Cet. 7. Jld. 2. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Nadwī, ‘Alī Ahmad. 2000M/1420H. *Al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. Al-Ṭab‘ah al-Khāmisah. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- Al-Sadlān, Ṣālih Ghanim. 1999M/1420H. *Al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah wamā Tafarra‘a ‘anha*. Al-Ṭab‘ah al-Thāniah. Al-Riyādh: Dār Balnasiyyah.
- Al-San‘āniy, ‘Abd al-Razzāq bin Humam. 1983M/1403H. *Muṣannaḥ Abd al-Razzāq*. Al-Ṭab‘ah al-Thāniah. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1983M/1403H. *Al-Asybah wa al-Naḍa‘ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syāfi‘i, Muhammad bin Idrīs. T.t. *Al-Umm*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

- Al-Zarqā', Aḥmad bin Muḥammad. 1996M/1417H. *Syarḥ al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Al-Ṭab'ah al-Rābi'ah. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- Al-Zuhāilī, Muhammad. 1999M/1420H. *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah 'ala al-Mazhab al-Hanafī wa al-Syāfi'i*. Al-Kuwait: Jami'ah al-Kuwait.
- American Civil Liberties Union. March 1988. "Mandatory Pre-HIV Testing: A Record of Failure". (Report). <<http://archive.aclu.org>>
- Amina Noor. 2000. *Tips Pengetahuan dan Masalah AIDS*. Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers.
- Anna Maria. 2004. "More Housewives and Children with AIDS". *News Straits Times*. 24 Jun.
- Azrina Ahzan. 2006. "Semua Negeri Tapis Pengantin". *Berita Harian*. 5 Julai.
- Azrul Mohd. Khalib. "HIV/AIDS in Malaysia: Are Women Being Neglected In HIV/AIDS Prevention". (Kertas Kerja). *National Conference on Social Problems in Malaysia: Strategies and Solutions*. International Islamic University. 27-28 November 2004.
- Azman Hj.Mohd Nawi & Salawati Haris. "Apa Baiknya Ujian HIV/AIDS Kepada Bakal Pengantin". *Milenia*. April 2007.
- Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. 4 Disember 2006. *Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja Malaysia (PROSTAR)*. <<http://www.prostar.gov.my>>
- Chua Jui Meng. Menteri Kesihatan Malaysia. (Ucapan Aluan). *Seminar HIV/AIDS dan Media*. Hotel Eastin Petaling Jaya. 18 Disember 2003. <<http://.moh.gov.my>>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. *Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Fahmi M. Mahmoud. 1995. *AIDS: The Untold Story*. Amman: Al-Durar.
- Fauziah Mohd Hassan. 2004. "Jangkitan HIV Bergantung Status Kesihatan". *Berita Minggu*. 5 Disember.
- Fumento, Micheal. October 1988. "The Myth of Heterosexual AIDS: The Hazard Using Misinformation to Restore Morality". *Crisis Magazine*. <<http://fumento.com>>

- Harussani Zakaria. Mufti Negeri Perak. “*Pandangan Mengenai Perlaksanaan Ujian HIV Ke Atas Bakal Pengantin*”. (Surat kepada Ketua Penyelidik). 6 November 2004.
- Harussani Zakaria. Mufti Negeri Perak. “*Pemeriksaan Kesihatan Bakal Pengantin Negeri Perak Darul ridzuan (HIV) dan Sebagainya*”. (Surat Kepada Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam). 17 Ogos 2004.
- Hasbullah Abd. Halim. Mufti Negeri Kedah. “*Mendapatkan Pandangan Mengenai Perlaksanaan Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Negeri Johor*”. (Surat kepada Ketua Penyelidik). 9 Oktober 2004.
- Hassan Ahmad. Mufti Negeri Pulau Pinang. “*Mendapatkan Pandangan Mengenai Perlaksanaan Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Negeri Johor*”. (Surat kepada Ketua Penyelidik). 8 Oktober 2004.
- Hesketh, Therese. 1 February 2003. “Getting Married in China: Pass The Medical First”. *Bmj.com*. <<http://bmjournals.com>>
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazīd. T.t. *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad. T.t. *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jabatan Agama Johor. 2001. *Modul Bimbingan & Kaunseling HIV/AIDS Menurut Perspektif Islam*.
- Jabatan Agama Johor. T.t. *Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Pengantin*.
- Johan Fernandez. 2006. “UN Lauds HIV/AIDS Reduction Methods”. *The Star*. 5 Jun.
- Johor. 1997. *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah*.
- Johor. 2003. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam*.
- Johor. 2003. *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam*.
- Kadir Dikoh. 2006. “Amaran Bagi Penghidap AIDS”. *Berita Harian*. 30 Jun.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2000. *Kaunseling HIV/AIDS: Teks Rujukan*. Jilid 1.

- Kementerian Kesihatan Malaysia. T.t. “Cegah AIDS Sekarang: Hargailah Kehidupan Anda”. *Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia*. <http://www.moh.gov.my/bpk/kempen_kk/kempen_92.htm#aiah>
- Khairul Azhar Idris. 22 Oktober 2003. “Islam Menjamin Kesihatan Seksual Remaja”. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. <http://www.ikim.gov.my/bm/artikel/1992-2000/arc_14.htm>
- Malaysia. Act 342. Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988. <<http://www.lawnet.com.my>. 23 November 2004>
- Malaysian AIDS Council. 4 Disember 2006. <<http://mac.org.my>>
- Marina Mahathir. Presiden Majlis AIDS Malaysia. (Temuramah). 23 November 2004.
- Mohamad Zubir Awang. Mufti Negeri Terengganu. “Pandangan Kita”. (Surat Kepada Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang KUIM). 12 Oktober 2004.
- Mohammad Hashim Kamali. 2001. “The Johor Fatwa on Mandatory HIV Testing”. *IIUM Law Journal*. Vol. 9. No. 2.
- Mohammed Yusoff Hussain. Mufti Wilayah Persekutuan. “Mendapatkan Pandangan Mengenai Perlaksanaan Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Negeri Johor”. (Surat kepada Ketua Penyelidik). 25 Oktober 2004.
- Mohd. Zaidi Mohd. Zain. (Temuramah). 29 Oktober 2004.
- Mohd. Zamri Kambari. “Pemeriksaan Kesihatan Kepada Bakal Pengantin: Pengalaman Negeri Johor”. (Kertas Kerja). T.t
- Mohd. Zamri Kambari. 2003. *Persepsi Bakal Pengantin Terhadap Perlaksanaan Pemeriksaan Kesihatan (HIV/AIDS) Ke Atas Bakal Pengantin. Satu Tinjauan di Negeri Johor*. (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Zamri Kambari. Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syarak. Majlis Agama Johor. (Temuramah). 10 Mei 2004.
- Muslim, Muslim bin al-Ḥajjāj. T.t. *Saḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Nooh Gadot. “Kertas Kerja Jawatankuasa Teknikal Penggubalan Enakmen dan Peraturan Mewajibkan Pemeriksaan Kesihatan Kepada Bakal Pengantin”. Surat kepada Setiausaha Majlis Agama Islam Johor. 5 November 2001.

- Nooh Gadot. "Pengelakan Kemudaratan Diri dari Perspektif Islam". (Kertas kerja). *Perspektif Islam dalam Menangani Jangkitan HIV/AIDS*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 11 Disember 2004.
- Nooh Gadot. 2001 (Surat kepada Setiausaha Majlis Agama Johor). 5 November.
- Rajendran, S. 29 January 2004. "Pre-Marital HIV Testing May Be Made Mandatory". *The Hindu*. <<http://hindu.com>>
- Rashid Redza Md Salleh. Mufti Negeri Melaka. "*Penjelasan Mengenai Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Negeri Johor*". (Surat kepada Ketua Penyelidik). 25 Oktober 2004.
- Rokiah Ismail & Fauziah Mohammed. 2001. *Reference Text For HIV/AIDS Counselors*. Sulaiman Che' Rus, Tee Guat Hiong & Ahmad Faudzi Hj. Yusoff (ed.). T.tp. T.pn
- Rosli Ismail. t.t. "Kewajaran Pemeriksaan Kesihatan Kepada Bakal Pengantin Mengikut Perspektif Perubatan dari Segi Positif dan Negatifnya". (Kertas Kerja).
- Rusli Nordin et al. 2002. *AIDS: Suatu pendekatan bersepadu di Malaysia*. Cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shaikh Mohd. Shaifuddeen Shaikh Mohd. Salleh. 2004. "Don't Ignore HIV/AIDS Threat". *The Star*. 14 September 2004.
- Stine, G. 2002. *AIDS Update 2002*. New Jersey: Prentice Hall
- Sulaiman Ahmad. Mufti Negeri Pahang. "*Pandangan Mengenai Perlaksanaan Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Negeri Johor*". (Surat kepada Ketua Penyelidik). 19 Oktober 2004.
- T.n. 23 February 2004. "Premarital Blood Screening Against HIV/AIDS Among Muslims: Which Way Out?" <<http://www.amanaonline.com>>
- T.n. 1 Ogos 2003. *Child Net*. <<http://childnetma.org>>
- T.n. 11 September 2003. "Church Forces AIDS Tests". *World Wide Religious News*. <<http://wrrn.org/parse.php>>
- T.n. 18 November 2002. "The HIV Update International". *Children's AIDS Fund*. <<http://www.childrensaidsfund.org>>
- T.n. 2003. "AIDS bunuh seorang penduduk setiap minit". *Berita Kesihatan Pusat Racun Negeri Universiti Sains Malaysia*. <<http://www.prn2.usm.my/mainsite/berita/2003/disember03.html>>

- T.n. 2006. "RM25 Juta Cegah Talasemia". *Berita Harian*. 13 Oktober.
- T.n. 2006. "Rosmah Risau Peningkatan Kes HIV". *Berita Harian*. 26 April.
- T.n. 2006. "Shahrizat Sambut Baik Ujian Saringan HIV Pengantin". *Utusan Malaysia*. 11 Julai.
- T.n. 2006. "Sasar Rawat 10,000 Penghidap HIV Tahun Ini". *Berita Harian*. 7 Julai.
- T.n. 24 April 2002. "India Considers Tourist AIDS Screening". *BBC News*. <<http://news.bbc.co.uk>>
- T.n. T.t "Why We Should Revise The Draft HIV/AIDS Prevention and Control Bill". <<http://liverpoolvct.org/>>
- T.n. T.t. "AIDS/HIV News: Malaysia". <<http://www.utopia-asia.com/aidsmal.htm>>
- Tan Seng Giaw. Ahli Majlis Anti Dadah Kebangsaan. (Temuramah). 26 Oktober 2004.
- UNAIDS/WHO. December 2006. "AIDS Epidemic Update: December 2006". *Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS)*. <http://www.unaids.org/en/HIV_data/epi2006/default.asp>
- UNDP. 4 December 2006. "2006 Annual Report". United Nations Development Programme. <<http://www.undp.org/publications/annualreport2006/hiv aids.shtml> >

BIODATA



AZMAN AB RAHMAN, pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Al Al-Bayt, Mafraq, Jordan dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh dan M.A. dalam bidang yang sama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Banyak melibatkan diri dalam penyelidikan, penulisan dan pembentangan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kini beliau juga memegang jawatan pentadbiran sebagai Penyelaras Unit Latihan Amali & Industri (Kelompok Bukan Sains) USIM.

SYED SALIM SYED SHAMSUDDIN, dilahirkan di Layang-layang Kiri, Parit, Perak pada tahun 1976. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Warisan Islam dengan Kepujian dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh pada tahun 2000 dan Ijazah Sarjana dalam bidang yang sama dari UIAM pada tahun 2003. Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM. Sebelum ini pernah berkhidmat di Pusat Matrikulasi UIAM sebagai Pensyarah Matrikulasi. Selalu melibatkan diri dalam penulisan dan pembentangan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

MUSHADDAD HASBULLAH, dilahirkan pada 27 September 1975 di Pasir Mas Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah rendah dan menengah di Pasir Mas Kelantan, kemudian melanjutkan pelajaran peringkat universiti di Universiti Islam Madinah dari tahun 1995 hingga 2000 dalam jurusan Syariah Islamiyyah. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dari tahun 2001 hingga 2003 dalam pengkhususan Fiqh. Sekarang ini beliau merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, beliau juga memegang jawatan pentadbiran sebagai Penyelaras Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat. Dalam penulisan, beliau aktif menulis artikel-artikel dan beberapa buah buku yang diterbitkan di peringkat USIM.

YASMIN HANANI MOHD SAFIAN, dilahirkan pada 12 November 1977 di Sijangkang, Selangor. Beliau mendapat pendidikan menengah di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang dan kemudian melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar Mesir cawangan Iskandariah dari tahun 1997 hingga 2001 dalam jurusan Syariah Islamiyyah. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Universiti Birmingham, United Kingdom dari tahun 2002 hingga 2003 dalam bidang Pengajian Islam. Sekarang ini Puan Yasmin merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, dan kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD di University of Exeter, United Kingdom. Dalam penulisan, beliau aktif menulis artikel-artikel yang diterbitkan dalam jurnal dan prosiding sama ada yang diterbitkan oleh USIM dan pihak luar. Beliau turut membentangkan kertas-kertas kerja sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti di Pennsylvania, USA dan Cairo, Mesir. Antara bidang tujahan yang menjadi tumpuan beliau ialah kajian Fiqh semasa dan kepenggunaan seperti *Islam and Biotechnology*, *Euthanasia from Syari'ah Perspective* dan *Pre-Marriage HIV Test in Johore; An Analysis*. Beliau juga turut mengkaji isu-isu Fiqh Mu'amalat terkini seperti *The Application of Principle of Masalih Mursalah in Malaysian Islamic Banking and Fiat Money from Usuli Perspective*.

INDEKS

- Abdul Aziz Yaakub 65
agen 23
AIDS 14
Al-ba'ah 38
Al-Syafi'i 53
alat suntikan 23
antibodi 2
aspek kemaslahatan 55
- bimbingan kaunseling 62
biseksual 14
borang 26
- cecair 3
Che Mat Che Ali, Datuk 64
Che Mohd Rahim Jusoh, Haji 64
Chua Soi Lek, Datuk Dr. 17, 78
- dua kemudaratan 51
- enakmen 67
Enakmen Keluarga Islam 57, 59
enggan menjalani ujian 60
- fatwa 58
fuqaha 54
- gejala 4-5
- hak asasi 67
Harussani Haji Zakaria, S.S. Dato'
Seri Dr. Haji 55
HIV 14
- hubungan seks 17
hukum syarak 61
- Ibn Rusyd 51
Imam Abu Hanifah 52
Imam al-Thauri 52
Imam Malik 52
Imam Syafi'i 52
Ismail Kazim, Dr. 52
- jangkitan 2
jarum suntikan 7
- kadar penceraian 62
kaedah fiqh 49, 50
keadilan sosial 46
keajiban-keajiban 51
kebenaran berkahwin 57, 59
kebenaran bernikah 60
keengganan 58
keharusan ujian 49
kelulusan berkahwin 67
kelulusan mahkamah 62
kelulusan Sultan 58
kemaslahatan ummah 39
kemudaratan 40
kepentingan pasangan 48
kepentingan rakyat 56
keputusan ujian 28
keselamatan diri 55
keselamatan keturunan 55
kewajaran ujian 49
khidmat nasihat 67

Perlaksanaan Ujian HIV bagi Bakal Pengantin

- konsep syarak 55
- kuman 3
- kursus perkahwinan 61

- langkah-langkah 8

- makmal 11
- Marina Mahathir, Datin Paduka 10, 66
- membasmi 42
- memberi kesedaran 62
- membubarkan pernikahan 52
- memelihara manusia 55
- memfatwakan 40
- meminda peraturan 66
- mencegah 7
- mencegah kemungkaran 44
- mencucuk jari 27
- menentukan sah 56
- mengelak penganiayaan 37
- mengelakkan penalti 62
- menghalang perkahwinan 62
- menguatkuasakan
 - undang-undang 56
- menyalahgunakan dadah 17
- meragui status 67
- merawat 7
- Mohamad Zubir Haji Awang, S.S.
 - Dato' Dr. Haji 56
- Mohammad Hashim Kamali, Prof. Dr. 65
- Mohd Yusof Hussin 65
- Mohd. Zaidi Mohd. Zain, Dato' 66
- Mohd. Zamri Kambari 59
- Mustapa Abdul Rahman, Datuk 74
- Mustapa, Datuk 74
- Najib Razak, Datuk Seri 74
- Nooh Gadot, S.S. Dato' Haji 80

- pasangan pengantin 25
- pembasmian wabak 37
- pembatalan pernikahan 52, 63
- pembawa virus 62
- pembubaran perkahwinan 52
- pemeliharaan keturunan 39
- pemeriksaan darah 4
- pemindahan darah 2
- penagih dadah 2
- penalti 59
- penawar 2
- pencegahan 29
- pencegahan gejala 25
- pencegahan individu 46
- pengamal homoseksual 11
- penggunaan kondom 69
- penghidap 62
- penghidap HIV 69
- penguatkuasaan 57
- penularan 23, 46
- penularan penyakit 67
- penyakit 1, 53
- penyalahgunaan 14
- penyebaran penyakit 8
- perebakan 6
- perkahwinan 32
- perkhidmatan kaunseling 48
- perkongsian jarum 17
- perlanggaran 58
- perselisihan 51
- persyaratan ujian 55, 66
- perundangan Islam 37
- peruntukan 59
- pesakit 15
- positif 68
- prasyarat 60
- prosedur 26, 60
- pusat pemulihan 16

Indeks

- Rashid Redza Haji Md Salleh, S.S.
Datuk Wira Haji 56
rawatan 8
rawatan berkala 64
- Saidina Umar RA 52
satu kesalahan 59
satu kewajaran 55
secara berkala 67
secara pilihan 65
seks bebas 14
sel-sel 1
Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Seri
77
Sheikh Ahmad Kutty 55
Sheikh Fahd al-Yahyā 53
sindrom 5
status pasangan 56, 62
suatu prosedur 57
Sulaiman Haji Ahmad, Haji 56
syarak 31
syarat fasakh 63
syariat Islam 49
- Syeikh Hasbullah Haji Abd. Halim
56
taraf kesihatan 40
tempoh percubaan 67
tidak diwartakan 57
tindakan undang-undang 59
tuntutan fasakh 56
- uji kaji 11
ujian kesihatan 55, 61
ujian pengesahan 27
ujian saringan 26, 65
undang-undang 57
Ustaz Mohd. Zamri 71
Ustaz Suhaimi Ahmad 64
- vaksin 2, 29
virus 1
- wabak 1
- Zahiri 52
zuriat 48, 69

Perlaksanaan Ujian HIV Bagi Bakal Pengantin Dari Perspektif Syariah & Undang-undang

Buku ini memfokuskan tentang perlaksanaan ujian HIV ke atas bakal pengantin dari segi syariah dan undang-undang serta kesannya terhadap kesejahteraan institusi keluarga. Dalil-dalil dari al-Quran, al-Sunnah, kaedah-kaedah Fiqh dan Usul, ijtihad para ulama serta pandangan mufti-mufti di Malaysia dijadikan sandaran utama dalam memberikan penjelasan dari sudut syariah terhadap ujian ini. Manakala dari sudut pemakaian Undang-undang di Malaysia, fokus utama diberikan kepada Negeri Johor memandangkan ia adalah negeri terawal yang mewajibkan ujian ini terhadap semua bakal pengantin. Diharapkan buku ini mampu menghilangkan kesangsian masyarakat mengenai pandangan Islam dan Undang-undang terhadap ujian ini. Semoga buku ini akan dapat menjadi panduan kepada mana-mana negeri di Malaysia yang ingin mengimplementasikan ujian yang sama.

